

## Reaksi



**S Hassan Khuthoos Syed Ahmad Kabeer,**  
Ahli Jawatankuasa Gerakan Masyarakat Prihatin Meru

Kami memandang serius perkara ini dan akan menghantar memorandum supaya syarikat berkenaan membatalkan hasrat membina kawasan perkuburan Cina di sini."



Pada pandangan kami, (pengurusan) projek ini langsung tidak mempunyai sensitiviti terhadap penduduk yang rata-ratanya orang Islam"

**Mohd Razid Mohd Talib,**  
Pengerusi Jawatankuasa Perwakilan Penduduk



la dilihat sebagai satu tindakan yang tidak munasabah kerana hampir 99 peratus penduduk sekitar ini adalah orang Melayu"

**Khairul Amir Rashid Maasom,**  
Penduduk

FOTO ROSLIN MAT TAHIR/BH



Penduduk kampung sekitar Felda Bukit Cerakah, berkumpul membantah cadangan pembinaan jirat Cina di kawasan Kampung Bukit Cerakah, semalam.

## Bantah jirat Cina di Bukit Cerakah

➊ Pengurusan disifatkan tidak sensitif, undang kecaman penduduk majoriti Melayu

Oleh Siti Nor Amirah Abu Bakar  
bhnews@bh.com.my

► Klang

**C**adangan pembinaan jirat Cina di atas bukit di kawasan seluas kira-kira 80 hektar di Kampung Felda Bukit Cerakah di sini, mengundang kemarahan kepada penduduk sekitar.

Semua penduduk kampung itu adalah orang Melayu.

Malah, kawasan sekitar kampung itu seperti Bukit Kapar, Bukit Kapar Tambahan, Bukit Kerayong, Kampung Bukit Hijau, Kampung Jaya, Puncak Alam dan Bandar Baru Puncak Alam, majoriti didiami orang Melayu.

Berikutan itu, kira-kira 200 pen-

diduk Kampung Felda Bukit Cerakah, mengadakan bantahan terhadap cadangan pembinaan tanah perkuburan itu semalam dan mereka menyifatkan pihak pengurusan jirat itu tidak sensitif dengan penduduk setempat.

### Berkumpul bantah projek

Lebih mengecewakan penduduk sekitar ialah mereka tidak dimaklumkan mengenai projek itu oleh pemaju dan pihak berkuasa tempatan. Mereka hanya mengetahuinya setelah melihat jentera berat melakukan kerja tanah di kawasan itu minggu lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Perwakilan Penduduk, Mohd Razid Mohd Talib, berkata penduduk tidak akan berdiam diri berhubung perkara berkenaan.

"Mulai hari ini (semalam) kami

mula mengumpul tanda tangan penduduk sebagai tanda bantahan terhadap projek ini.

"Pada pandangan kami, (pengurusan) projek ini langsung tidak mempunyai sensitiviti terhadap penduduk yang rata-ratanya orang Islam," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Penduduk, Khairul Amir Rashid Maasom, 52, berkata tindakan syarikat berkenaan ternyata menysahkan penduduk kerana mereka juga akan berdepan dengan pelbagai masalah.

### Bantah tindakan syarikat

Sehubungan itu, katanya, penduduk membantah sekeras-kerasnya projek berkenaan.

"la dilihat sebagai satu tindakan yang tidak munasabah kerana hampir 99 peratus penduduk se-

kitar ini adalah orang Melayu," katanya.

Beliau berkata, projek itu juga akan mengundang masalah lain seperti tanah runtuh dan banjir.

"Pada masa sama, pembinaan kawasan sedemikian akan memudaratkan beberapa kawasan berdekatan," katanya.

Sementara itu, Ahli Jawatankuasa Gerakan Masyarakat Prihatin Meru, S Hassan Khuthoos Syed Ahmad Kabeer, berkata pihaknya akan menghantar memorandum bantahan kepada Setiausaha Kerajaan Selangor dalam masa terdekat.

"Kami memandang serius perkara ini dan akan menghantar memorandum supaya syarikat berkenaan membatalkan hasrat membina kawasan perkuburan Cina di sini," katanya.